

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ADBUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ADBUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang bersifat diskriminasi terhadap ibu warganegara Malaysia yang melahirkan anak di luar negara.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Cadangan Pindaan perenggan (b) Fasal (1) Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan (“Jawatankuasa”) yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang).

Suatu mesyuarat telah diadakan pada 18 November 2021 yang antara lainnya membincangkan terma rujukan (TOR) dan keanggotaan bagi Jawatankuasa tersebut.

Jawatankuasa ini juga akan menjalankan kajian ke atas perkara-perkara kewarganegaraan khususnya Bahagian III Perlembagaan Persekutuan ("PP") secara holistik dengan mengambil kira kompleksiti isu kewarganegaraan (termasuk isu anak angkat atau anak tidak sah taraf).

Jawatankuasa ini menjangkakan bahawa hasil konsultasi dan kajian akan dimuktamadkan dalam tempoh **enam (6) bulan**, sebelum ia dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan dan seterusnya kepada Majlis Raja-Raja untuk perkenan.

Cadangan TOR Jawatankuasa adalah seperti yang berikut:

- (a) membincangkan aspek pindaan PP termasuk berkenaan dengan perenggan (b) Fasal (1) Perkara 14 mengenai anak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu yang merupakan warganegara Malaysia;
- (b) mengkaji undang-undang dan amalan di negara lain;
- (c) mengadakan konsultasi dengan *stakeholders*; dan
- (d) menganalisis hasil rundingan dengan *stakeholders*.

Cadangan keanggotaan Jawatankuasa adalah seperti yang berikut:

- (a) Pengerusi - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Parlimen);
- (b) Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri;
- (c) Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri;
- (d) Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- (e) Peguam Cara Negara II;
- (f) Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara;
- (g) Ketua Pengarah Jabatan Imigresen;

- (h) Mantan Hakim;
- (i) Ahli akademik; dan
- (j) Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM).

Pada 23 November 2021, Majlis Raja-Raja telah memperkenan cadangan penubuhan Jawatankuasa tersebut dan mengambil maklum bahawa Jawatankuasa tersebut dijangka akan membentangkan hasil konsultasi dan kajian dalam tempoh enam (6) bulan.

Berhubung dengan cadangan pindaan kepada PP mengenai perkara kewarganegaraan, pindaan tersebut hendaklah memperoleh persetujuan Majlis Raja-Raja berdasarkan Fasal (5) Perkara 159 PP dan hendaklah mendapat sokongan sekurang-kurangnya dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen di bawah Fasal (3) Perkara 159 PP.

Sekiranya cadangan pindaan turut menyentuh hak orang yang lahir sebelum Hari Malaysia untuk menjadi warganegara oleh sebab perhubungan mereka dengan Negeri Sabah dan Sarawak atau jaminan layanan sama rata antara orang yang lahir dan bermastautin di Negeri-Negeri Borneo dengan orang yang lahir dan bermastautin di Negeri-Negeri Melayu, persetujuan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak hendaklah diperoleh selaras dengan perenggan (a) Fasal (2) Perkara 161E PP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta PERDANA MENTERI menyatakan faktor yang menyebabkan kegagalan Dasar Ekonomi Baru yang telah dilaksanakan selama 51 tahun sehingga Bumiputera hanya memegang 17% ekuiti ekonomi hari ini. Apakah methodologi ataupun pengukuran ekonomi yang digunakan oleh Kerajaan dalam kajian pencapaian ekuiti kaum Bumiputera ini.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah mensasarkan pencapaian pemilikan ekuiti korporat Bumiputera adalah sekurang-kurangnya 30%. Sasaran ini diteruskan dalam Model Baru Ekonomi dan seterusnya dalam tempoh RMKe-12. Walau bagaimanapun, sasaran pemilikan ekuiti korporat Bumiputera masih belum tercapai setakat ini.

2. Antara faktor yang menyebabkan sasaran sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti korporat Bumiputera ini masih belum dapat dicapai adalah seperti berikut:

- i. liberalisasi beberapa sektor ekonomi termasuk kelonggaran dalam syarat 30% pemilikan ekuiti Bumiputera bagi sektor pembuatan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975;
- ii. penjualan ekuiti kepada bukan Bumiputera dan kepentingan asing; dan
- iii. beberapa institusi Bumiputera yang dimandatkan oleh Kerajaan telah memaksimumkan objektif keuntungan komersial dan kurang memberi penekanan kepada agenda Bumiputera.

3. Pengukuran yang digunakan adalah berdasarkan kaedah pengiraan ekuiti berasaskan pegangan modal saham syarikat pada nilai pasaran (*market value*) yang dirujuk dalam laporan tahunan dan kewangan syarikat yang diserahkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Bursa Malaysia. Seperti yang telah diumumkan dalam pembentangan RMKe-12, pemilikan ekuiti sektor korporat pada tahun 2019 bagi pegangan Bumiputera adalah 17.2%, bukan Bumiputera 25%, asing 45.5% dan nomini 12.3%.

Sekian, terima kasih.